

Menyebutkan hukum dengan terang bagi sesuatu (benda atau perkara) tidak bererti menafikan hukum yang sama daripada selainnya.	<p>الْتَّنْصِيصُ عَلَى الشَّيْءِ لَا يَلْرُمُ مِنْهُ التَّفْيِي عَمَّا عَدَاهُ</p>	قاعدة 45
---	--	----------

**Keterangan:** Jika terdapat nas yang terang tentang hukum sesuatu benda atau sesuatu perkara, maka tidaklah ia bererti hukum itu khusus dengannya sahaja. Ia hanya menunjukkan hukum itu ada padanya secara pasti sahaja. Adapun pada yang lain-lain, maka hukum yang sama juga mungkin ada, mungkin juga tiada. Ia bergantung pada dalil atau nas yang lain pula. Antara contoh bagi qaedah ini dapat anda lihat pada firman Allah di bawah ini:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالَّذِمُ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهِلَّ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ، وَالْمُنْخَنِقَةُ وَالْمَوْقُوذَةُ وَالْمُنْرَدِيَّةُ وَالْمُطْبَيَّهُ وَمَا أَكَلَ الْسَّيْعُ إِلَّا مَا دَكَّيْتُمْ وَمَا دُبَيَّ عَلَى النُّصُبِ وَأَنْ تَسْتَقْسِمُوا بِالْأَزْلَمِ ذَلِكُمْ فِسْقُ الْيَوْمِ يَسِّ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ دِينِكُمْ فَلَا تَخْشُوْهُمْ وَأَخْشَوْنِ الْيَوْمَ أَكْنَلْتُ لَكُمْ دِينِكُمْ وَأَثْنَمْتُ عَلَيْكُمْ يَنْعِي وَرَضِيَتْ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا فَمَنْ أَضْطَرَ فِي مَخْصَصَةِ غَيْرِ مُتَجَانِفِ لِإِنْمِيرِ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٦﴾

Maksudnya: Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih) dan darah (yang keluar mengalir) dan daging babi (termasuk semuanya) dan binatang-binatang yang disembelih kerana yang lain dari Allah dan yang mati tercekik, dan yang mati dipukul dan yang mati jatuh dari tempat yang tinggi dan yang mati ditanduk dan yang mati dimakan binatang buas, kecuali yang sempat kamu sembelih (sebelum habis nyawanya) dan yang disembelih atas nama berhala dan (diharamkan juga) kamu merenung nasib dengan undi batang-batang anak panah. Yang demikian itu adalah perbuatan fasik. Pada hari ini, orang-orang kafir telah putus asa (daripada memesongkan kamu) dari agama kamu (setelah mereka melihat perkembangan Islam dan umatnya). Sebab itu janganlah kamu takut dan gentar kepada mereka, sebaliknya hendaklah kamu takut dan gentar kepadaKu. Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah cukupkan ni'matKu kepada kamu dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu. Maka sesiapa yang terpaksa kerana kelaparan (memakan benda-benda yang diharamkan) sedang ia tidak cenderung hendak melakukan dosa (maka bolehlah dia memakannya), kerana sesungguhnya Allah maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (al-Maa'idah:3).

Keharaman memakan daging babi tersebut dengan terang di dalam firman Allah ini. Tetapi tidaklah pula menyebutkan hukumnya dengan terang begitu bererti menafikan hukum haram memakan daging-daging selain daging babi. Tidak juga boleh disimpulkan bahawa daging-daging binatang selain babi semuanya halal. Haram atau halalnya daging-daging binatang lain selain babi tidak boleh diputuskan semata-mata dengan nas tersebut itu. Sebaliknya ia memerlukan kepada nas yang lain pula. Misalnya ada hadits yang menyebutkan bahawa Rasulullah s.a.w. mengharamkan memakan daging himar (keledai) kampung. Maka dengan sebab itu daging himar kampung juga haram dimakan.